

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	18 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	NASIONAL



*Mohd Yusuf
(berdiri kiri)
bersama
Pasukan Kolej
Komuniti
Kepala Batas
yang muncul
johan
pertandingan
futsal sempena
program
Kerjaya
TaHa@U
di Bukit
Mertajam.*

[FOTO FAIZAL
GHAZALI/BH]

10,000 sertai Kelab TaHa@U

Bukit Mertajam: Kira-kira 10,000 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang didaftarkan sebagai ahli Kelab TaHa@U.

Ia bersempena majlis pelancaran Kelab TaHa@U. UiTM bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) Tabung Haji (TH) kepada pencarum di kampus cawangannya di sini, Sabtu lalu.

Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Saimi Mat Som, berkata menerusi kelab itu ahli boleh menyertai pelbagai aktiviti tahunan, termasuk khidmat masyarakat TaHa@U, seminar kerjaya, kejohanan sukan seperti futsal dan bola jaring.

Jadi sukarelawan

"Selain itu mereka akan turut dijemput menjadi sukarelawan ber-

sama-sama warga TH pada setiap musim haji," katanya majlis pelancaran sempena program Kerjaya TaHa@U dan Kejohanan Futsal dan Bola Jaring TaHa@U Zon Utara di sini, Sabtu lalu.

Turut hadir, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UiTM Pulau Pinang, Prof Madya Noor Awang Hamat; Pengarah TH Pulau Pinang, Rozimin bin Ahamed Kamil; Pengarang Pendidikan BH, Mohd Yusuf Abu Bakar dan Ketua Unit Pembangunan Perniagaan, Jabatan Pendedaran NSTP, Salmah Hanim Hares.

Program dua hari anjuran bersama TH, BH, UiTM dan Jabatan Tenaga Kerja itu diadakan khusus untuk ahli Kelab TaHa@U UiTM serta graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT).